# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

# BERITA PERIKANAN HARI INI

**4 Mei 2021**
**22 Ramadan 1442H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
| --- | --- |
| **Utusan Malaysia** | • Populasi kerang negara disasar capai 150,000 metrik tan menjelang 2025 |
| **Berita Harian** | • |
| **Harian Metro** | • |
| **Kosmo !** | • |
| **Sinar Harian** | • Aktiviti mencandat sotong diteruskan |
| **The Star** | • Squid jigging event to got on in Terengganu |
| **New Straits Time** | • Terengganu to continue with squid jigging event |
| **Nanyang Siang Pau** | • |
| **Malaysia Gazette** | • |
| **Harakah** | • |
| **Malaysia Now** | • |
| **Bernama** | • |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | • |
| **Guan Ming Daily** | • |
| **Free Malaysia Today** | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | ✓ | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ................ | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 27 | 4/5/2021 |

SH M/S 27 4/5/2021

# Aktiviti mencandat sotong diteruskan

## Penganjuran dilakukan dengan SOP lebih ketat

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA NERUS

Kerajaan negeri Terengganu bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu akan membincangkan kaedah sesuai bagi membolehkan orang luar merasai pengalaman sempena musim mencandat sotong di negeri ini.

Exco Pelancongan Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu, Ariffin Deraman berkata, penganjuran aktiviti candat sotong di Terengganu bermula April hingga September depan akan melalui prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat bagi mengelak penularan pandemik Covid-19.

"Perkara ini akan dibincangkan secara terperinci terutama melibatkan SOP yang bersesuaian untuk memastikan pelancong luar boleh masuk ke Terengganu bagi menyertai aktiviti mencandat sotong," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis moreh bersama media di sini pada malam Ahad.

Ariffin berkata, beberapa gimik promosi akan dilakukan selepas Aidilfitri bagi menarik kedatangan pelancong ke negeri ini.

"Aktiviti mencandat sotong akan diteruskan tahun ini dengan SOP yang lebih ketat. Kita juga akan melakukan pemeriksaan terperinci terhadap semua peserta bagi memastikan mereka sihat dan boleh menyertai aktiviti itu.



ARIFFIN DERAMAN

"Selain itu, kita juga akan meneliti sama ada kebenaran menyertai aktiviti ini hanya boleh diberikan kepada mereka yang sudah lengkap menerima dos vaksin, atau telah menjalani ujian calitan dan disahkan sihat sebelum memasuki Terengganu," ujarnya.

Sementara itu, Ariffin berkata, pengusaha bot bagi aktiviti candat sotong turut bersedia mengurangkan sebanyak 50 peratus jumlah peserta berbanding biasa.

"Semua pengusaha bot telah bersedia mematuhi peraturan ditetapkan supaya aktiviti mencandat sotong dapat berjalan lancar.

"Jumlah peserta biasanya dalam kapasiti 20 orang akan dikurangkan mungkin menjadi 12 orang bergantung kepada muatan bagi sesebuah bot," katanya.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | ✓ | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ........................ | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 9 | 4/5/2021 |

THE STAR M/S 9 4/5/2021

# Squid jigging event to go on in Terengganu

KUALA NERUS: Squid jigging, a popular activity that has become an annual event in Terengganu, will continue this year but in strict compliance with the standard operating procedure (SOP) to prevent the spread of Covid-19.

Terengganu tourism, culture and digital technology committee chairman Ariffin Deraman said several programmes would be held to promote the event after Hari Raya Aidilfitri.

"Our main focus now is to choose the appropriate method so that permission for interstate travel can be given to squid jigging enthusiasts from outside Terengganu, especially those who have been vaccinated against Covid-19 or have tested negative before coming here," he said.

In another development, Ariffin said the Raya Oil Lamp competition will also be held this year and details on the inter-district competition would be announced later. — Bernama

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | ✓ | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ............ | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 12 | 4/5/2021 |

NST m/s 12 4/5/2021

# Terengganu to continue with squid jigging event

**KUALA NERUS:** Squid jigging, a popular activity which has become an annual event in Terengganu, will continue this year, but it will be held in compliance with standard operating procedures to prevent the spread of Covid-19. Terengganu Tourism, Culture and Digital Technology Committee chairman Ariffin Deraman said several programmes would be held to promote the event after the Hari Raya Aidilfitri celebration. "Our main focus is to choose the appropriate method so that permission for interstate travel can be given to squid jigging enthusiasts from outside Terengganu, especially those who have received both doses of the Covid-19 vaccine or confirmed without the virus, during screening prior to coming to the state." **Bernama**

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | / | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | | |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | | online | 4/5/2021 |

# Populasi kerang negara disasar capai 150,000 metrik tan menjelang 2025




ZAINODDIN Jamari menunjukkan model kebun kerang di Teluk Lekir, Perak yang berjaya menghasilkan benih kerang sepanjang tahun hasil daripada penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (FIR), Batu Maung, Pulau Pinang.

- Oleh SAFINA RAMLI
- 3 Mei 2021, 4:26 pm

GEORGETOWN: Model kebun kerang di Teluk Lekir, Perak yang berjaya menghasilkan benih kerang sepanjang tahun akan diperluas di Pulau Pinang, Selangor, Johor, Kedah dan Negeri Sembilan dengan sasaran penghasilan benih sehingga 150,000 metrik tan bernilai RM1.8 bilion menjelang 2025.

Pengarah Kanan Penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (FIR), Dr. Zainoddin Jamari berkata, model berkenaan dilaksanakan di perairan Teluk Lekir pada Oktober 2018 dan membuahkan hasil memberangsangkan.

Katanya, sebanyak 23.89 metrik tan benih kerang telah didaratkan pada 2019 dengan anggaran nilai sebanyak RM3.2 juta manakala bagi tahun lepas pula, 1,200 metrik tan kerang didaratkan dengan nilai RM10.69 juta.

"Pada Januari hingga Mac tahun ini pula sebanyak 335.6 metrik tan kerang dengan anggaran nilai kerang sekitar RM8.4 juta berjaya didaratkan.

"Kita akan menggunakan model yang sama di negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan bagi meningkatkan populasi kerang negara," katanya dalam sidang akhbar di FIR, Batu Maung, di sini hari ini.

Menurut Zainoddin, jumlah pengeluaran kerang negara pada tahun lalu hanya pada kadar 16,000 metrik tan dan benih kerang tidak boleh dikeluarkan sepanjang tahun.

Bagaimanapun jelas beliau, menerusi kajian yang dijalankan oleh FIR, kehadiran benih kerang di Teluk Lekir tidak putus sepanjang tahun berdasarkan beberapa faktor antaranya keadaan air laut yang sesuai dan tidak tercemar.

"Selain itu kadar tumbesaran benih kerang di Teluk Lekir juga pantas disebabkan kehadiran sumber makanan yang padat di perairan berkenaan," katanya.

Tambah beliau, faktor penggalak yang ditemukan di Teluk Lekir seperti kejutan suhu pada tempoh tertentu boleh digunakan untuk meningkatkan populasi kerang di lokasi lain yang sesuai.

"Bagi Pulau Pinang, cadangan tapak model ini sesuai dilaksanakan di kawasan Seberang Perai Tengah serta Seberang Perai Selatan. Pihak kami masih menunggu makluman lanjut daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan projek ini," katanya.